Anak panah menunjukkan alae servikal pada cacing dewasa toksokara



**Rajah 1.3.1.5 :** Cacing dewasa *T. cati*

**Rajah 1.3.1.6:** Cacing dewasa *T. canis*

(Rujukan : <http://www.vetsci.psu.edu/coursedes/vsc402/27ascarids.htm>)

### 1.3.2 Kitar hidup *T. canis*

Kitar hidup *T. canis* adalah sangat kompleks (rajah 1.4.1). Seperti helmin nematoda yang lain, *T. canis* tidak menyebabkan jangkitan serta merta kepada perumah. Malah, nematod ini perlu melalui proses tumbesaran hingga ke peringkat larva infektif L2 aktif bagi menjangkiti sesuatu perumah. Bagi kitar hidup pada perumah anjing (perumah definitif), transmisi jangkitan boleh berpunca daripada empat laluan utama iaitu transmisi secara langsung melalui telur infektif, transmisi oleh perumah paratenik atau perumah perantara, transmisi melalui susu ibu kepada anak anjing (transmamari) dan juga jangkitan semasa kehamilan atau transmisi prenatal.

#### 1.3.2.1 Transmisi secara langsung

Kitar hidup secara langsung biasanya menjangkiti anak anjing yang berumur kurang daripada 3 bulan. Telur yang dibebaskan ke persekitaran bersama najis dari perumah definitif mengambil masa lebih kurang dua minggu untuk membesar hingga ke peringkat larva infektif. Telur infektif yang diingesi oleh anak anjing akan melekat pada dinding dalam usus kecil. Kemudian L2 ini akan menembusi sistem aliran limfatik dan seterusnya bergerak melalui salur darah ke jantung dan paru. Di dalam paru, L2 akan matang menjadi larva peringkat ketiga (L3). Kemudian L3 ini akan bergerak naik ke trakea dan esofagus dan proses ini akan berulang di dalam usus kecil sehingga ke peringkat dewasa. Melalui jangkitan secara langsung, hanya sebahagian kecil larva bergerak ke trakea manakala majoriti larva disebarkan ke tisu dan organ somatik menerusi aliran darah periferi ([http://www.cal.vet.upenn.edu/merial/Ascarids/asc\\_05a.html](http://www.cal.vet.upenn.edu/merial/Ascarids/asc_05a.html)).

### **1.3.2.2 Ingesi perumah paratenik**

Contoh perumah paratenik adalah tikus. Sekiranya anjing dewasa teringesi tikus ini, L2 yang ada di dalam otot tikus itu akan mula bergerak ke dalam perumah anjing dan akhirnya menjadi dorman. Sekiranya anjing itu hamil, larva dorman ini akan menjadi infektif semula semasa trimester ketiga. L3 yang berada di dalam tisu perumah paratenik akan membesar di dalam usus kecil anjing hingga ke peringkat dewasa (Dog roundworms: <http://www.peteducation.com/article> & Toxocariasis: <http://www.cfsph.iastate.edu>).

### **1.3.2.3 Pergerakan larva melalui uterus (transuterine)**

Perumah definitif anjing yang hamil boleh memindahkan larva dari dalam tisu kepada fetus anjing yang dikandungnya. Akibatnya anak anjing yang dilahirkan membawa L2. L2 ini bergerak masuk daripada tisu kandungan ibu anjing melalui uri terus ke vena umbilikal kemudian ke hati dan kekal di situ sehingga dilahirkan. Selepas itu, L2 mula bergerak ke bahagian peparu anak anjing tersebut melalui pepokok bronkus, trakea, farinks dan apabila teringesi L2 akan membesar dan matang di dalam usus kecil perumah tersebut. Kebanyakan anak anjing yang berumur kurang daripada lima minggu mendapat jangkitan langsung melalui cara ini (Dog roundworms: <http://www.peteducation.com/article> & Toxocariasis: <http://www.cfsph.iastate.edu>).

### **1.3.2.4 Pergerakan larva daripada tisu mamari (penyusuan)**


Anak anjing yang baru lahir boleh terjangkit oleh L3 apabila yang bergerak keluar daripada tisu mamari ibu anjing semasa proses penyusuan susu. Kitar hidup larva yang terjangkit pada peringkat ini tidak melibatkan peparu tetapi melalui farinks dan terus masuk ke dalam usus kecil hingga membentuk cacing dewasa (Dog roundworms: <http://www.peteducation.com/article> & Toxocariasis: <http://www.cfsph.iastate.edu>).



## 1.4 Patogenesis dan penyebaran penyakit toksokariasis

Secara umumnya, penyebaran penyakit toksokariasis pada manusia berlaku akibat sentuhan tangan di kawasan yang dicemari dengan telur yang infektif. Telur infektif masuk ke dalam sistem badan manusia secara tak disedari melalui "faecal-oral route" akibat daripada amalan kebersihan diri yang tidak sempurna semasa penyediaan dan pengambilan makanan atau minuman. Seterusnya, ingesti telur ini dibawa masuk ke dalam lumen pada usus kecil melalui saluran penghadaman. Oleh kerana manusia adalah perumah paratenik toksokara, proses perkembangan kitar hidup akan terhenti sehingga peringkat L2 sahaja. Di sini, telur tersebut mula bertindak balas dengan asid menyebabkan selaput kulit luar akan terhakis lalu membebaskan L2 (Kayes S.G. 2006). Larva ini akan menembusi dinding usus kecil dan dibawa bersama sistem saluran darah dan aliran limfatik ke bahagian tisu dan organ lain di dalam badan manusia seperti hati, jantung, ginjal, kulit, peparu dan larva L2 ini tidak dapat kembali semula ke dalam usus kecil. Manifestasi pergerakan L2 ke dalam organ badan manusia dan sistem otot ini dikenali sebagai pergerakan larva viseral (VLM) (Dog roundworms: <http://www.peteducation.com/article> & Toxocariasis: <http://www.cfsph.iastate.edu>).

Sesetengah L2 akan mati dan ada yang dapat beradaptasi berbulan hingga bertahun lamanya. Keadaan ini juga mungkin menyebabkan berlakunya tindak balas inflamasi terhadap organ yang didiami itu. Ini terjadi terutamanya apabila jangkitan semula berlaku pada sesebuah perumah itu. Secara umumnya, himpunan L2 di dalam tubuh akan menyebabkan manifestasi penyakit pada manusia.




Rajah 1.4.1: Kitar hidup *Toxocara canis*

(Rujukan : <http://www.dpd.cdc.gov/dpdx>)

Kehadiran L2 menyebabkan antigen kumuhan-rembesan *Toxocara* (TES) wujud di persekitaran dan merangsang sel imun bertindak. Sebagai contoh dalam jangkitan toksokariasis pada peparu. Selepas seminggu jangkitan, tindak balas awal yang berlaku pada matriks ekstraselular peparu ialah sel tumor nekrosis faktor alfa (TNF- $\alpha$ ) dan interleukin 8 (IL-8) merangsang penghasilan sitokin Th2 oleh sel T CD4<sup>+</sup>. Kemudian, Th2 ini akan merangsang penghasilan IL-4 dan IL-13 yang menyebabkan sel B menghasilkan antibodi IgE yang tinggi dan seterusnya meningkat aras sel eosinofil di dalam darah (Kayes, 2006). Akhirnya pesakit mendapat asma yang kronik dan aktif. Walau bagaimanapun, tahap keterukan sesuatu simptom bergantung kepada tindak balas oleh sel sistem imun manusia.

Selain itu, manifestasi jangkitan toksokaria pada manusia yang penting adalah pergerakan L2 ke dalam mata. Antara laluan utama larva ini bergerak aktif masuk ke dalam mata adalah melalui sistem saluran darah kapilari dan retina, saraf optik, cecair serebrospinal (CSF) dan juga tisu lembut pada mata (Taylor, 2006). Ini dibuktikan melalui hasil kajian histologi terhadap sel mata seorang kanak-kanak berusia 12 tahun (Lyness *et al.* , 1987). Selain itu, kajian juga dapat mengesan laluan utama pergerakan L2 di dalam retina seperti ditunjukkan pada rajah 1.4.2 (Taylor M.R.H. 2006). Seterusnya, L2 ini akan masuk dan mendiami bahagian anterior mata menyebabkan berlaku inflamasi dan tindak balas oleh sel imun disekeliling seperti makrofaj, eosinofil, limfosit, sel epiteliod dan sel "giant" yang mengakibatkan manifestasi teruk kepada hampir keseluruhan organ mata. Manifestasi L2 ke dalam organ mata ini juga dikenali sebagai pergerakan okular larva (OLM).



**Rajah 1.4.2:** Ilustrasi laluan pergerakan L2 di dalam retina mata seorang kanak-kanak berusia 9 tahun (Lyness *et al.*, 1987).

## 1.5 Manifestasi klinikal toksokariasis

Manifestasi penyakit toksokariasis pada manusia boleh dibahagikan kepada tiga kategori yang utama iaitu VLM, OLM dan toksokariasis "covert". Terdapat satu lagi kategori iaitu toksokariasis saraf-otak, walau bagaimanapun, cara tindak balasnya belum dikenal pasti dengan jelas (Holland C.V. & Hamilton. H. 2006). Menurut Magnaval *et al.* (1997), hasil daripada pembacaan dan analisis data selama 47 tahun (1950-1997) menunjukkan hanya 12 kes yang dilaporkan melibatkan penyakit toksokariasis pada sistem saraf-otak. Ini sama ada melibatkan pengecaman larva di dalam CSF, di dalam otak dan/atau secara diagnosis imunologi ke atas CSF.

Pada amnya, VLM dilaporkan pada kanak-kanak berusia kurang daripada 9 tahun. Manifestasi ini boleh menyebabkan peningkatan paras eosinofil sehingga 2000 sel/mm<sup>3</sup> berbanding paras darah normal. Antara simptom lain termasuklah sakit di bahagian abdomen, pembesaran hati dan limpa (rajah 1.5.1a), hilang berat badan dan peningkatan paras kandungan antibodi IgE di dalam darah. Selain itu, jangkitan toksokara juga berlaku pada kulit dan mengakibatkan beberapa penyakit yang teruk terutama ruam merah dan gatal pada bahagian kulit (rajah 1.5.1b), urtikaria kronik, vaskulitis, pruritus dan sindrom Reiter's (Piarroux *et al.*, 2006). Seterusnya manifestasi jangkitan toksokara yang teruk juga berlaku apabila L2 bergerak aktif ke bahagian sistem pernafasan menerusi trakea, bronkiol dan akhirnya ke seluruh bahagian peparu. Ini mengakibatkan simptom klinikal teruk seperti asma. Kesemua manifestasi ini terjadi akibat tindak balas inflamasi setempat yang berlaku apabila terdapat jasad asing L2 mendiami organ sesebuah perumah. Ini telah diterangkan pada bahagian 1.4. Pada tahun 1952, VLM mula dikenal pasti pada seorang kanak-kanak yang mengalami pembesaran hati serta paras kandungan eosinofil yang tinggi (Beaver *et al.*, 1952).

Pergerakan L2 *T. canis* ke dalam mata menyebabkan tindak balas sel pada retina. Sebagai contoh sel eosinofil dan sel epiteliod akan bertindak dan menghasilkan


abses eosinofilia dan tisu gentian yang tumpat. Biasanya simptom OLM ini berlaku pada kanak-kanak berusia di antara 5 hingga 10 tahun. Antara simptom lain termasuklah glaukoma, granuloma pada retina (rajah 1.5.2a dan 1.5.2b), strabismus, endoftalmitis, koroidoretinitis, uveitis, penanggalan retina dan pada peringkat kritikal boleh menyebabkan kehilangan keseimbangan dan penglihatan pada mata manusia (Petithory J.C 1990, Yoshida *et al.*, 1999, Park *et al.*, 2000, Sabrosa, N.A. & E.C. de Souza. 2001; Mirdha, B.R. & S.K. Khokar 2002). Sindrom paras eosinofilia yang tinggi dalam darah mungkin tidak berlaku pada seseorang yang mendapat penyakit toksokariasis okular (Shields *et al.*, 1979).

Manifestasi toksokariasis "covert" (CT) terjadi apabila sindrom toksokariasis itu kurang spesifik dan tidak dapat dikenal pasti dengan jelas. Antara simptom ini seperti sakit pada bahagian abdomen, batuk, sakit kepala, dan berlaku gangguan tidur dan tingkahlaku seseorang (Taylor *et al.*, 1988). Selain itu, paras kandungan IgE dan bilangan eosinofil di dalam darah adalah stabil dan tidak berubah.

## **1.6 Seroprevalens global toksokariasis**

Toksokariasis adalah penyakit kosmopolitan yang menjangkiti manusia di kebanyakan negara dunia meliputi negara Barat, Timur, Asia Tenggara dan negara lain. Antara negara yang telah dilaporkan terlibat adalah Malaysia, Indonesia, Argentina, USA, Kanada, Brazil, Nepal, Perancis, Korea, Australia, Switzerland, Jepun, Itali dan Belanda (rajah 1.6.1). Kebanyakan kajian yang dilaporkan ini melibatkan toksokariasis peringkat VLM. Terdapat beberapa laporan seroprevalen membabitkan OLM tetapi tidak begitu dibincangkan secara jelas.

**Rajah 1.5.1 :** Contoh manifestasi VLM akibat toksokariasis




**Rajah 1.5.1.a :** Pembesaran hati dan limpa pada bayi




**Rajah 1.5.1b:** Ruam merah pada kulit

**Rajah 1.5.2:** Contoh manifestasi OLM pada mata seorang kanak-kanak yang menghidapi toksokariasis



**Rajah 1.5.2a:** Lesi granuloma eosinofilia pada cakera optik



**Rajah 1.5.2b:** Peningkatan granuloma dan lesi putih bahagian dalam retina

(Rujukan : <http://www.dpd.cdc.gov/dpdx>)

Secara umumnya, kebanyakan kajian yang dilaporkan menunjukkan seroprevalens adalah tinggi di kawasan negara maju berbanding negara yang sedang membangun. Sebagai contoh di Perancis, hanya 2-5% penduduk di kawasan bandar adalah seropositif berbanding 14.2-37% di kalangan penduduk di kawasan pedalaman (Magnaval *et al.*, 1994) manakala 2.7% sahaja penduduk di Switzerland memberikan reaksi positif toksokariasis (Jacquier *et al.*, 1991). Selain itu, kajian oleh Chomel *et al.* (1997) melaporkan sebanyak 63% penduduk di Bali dan Sidoarjo Jawa Selatan Indonesia menunjukkan seroprevalens toksokariasis yang tinggi. Keseluruhan kadar seroprevalens ini dapat dilihat pada Lampiran 1 (rujuk bahagian lampiran).

Pada masa yang sama, satu kajian lain telah dijalankan di Malaysia melibatkan kaum Melayu, India dan Cina. Kajian ini menggunakan 331 serum daripada Januari 1989-Desember 1991; 183 adalah daripada kaum Melayu, 55 kaum Cina, 76 kaum India dan 17 daripada kaum lain. Hasil kajian menunjukkan prevalens keputusan positif terhadap jangkitan toksokara adalah seperti berikut; kaum India 35.5% (27/76), diikuti 29.4% (5/17) kaum Melayu, 14.8% (27/183) kaum lain dan Cina 10.9% (6/55). Ini menunjukkan adanya jangkitan toksokara di Malaysia (Hakim *et al.*, 1993). Umum diketahui, anjing adalah haiwan yang "diharamkan" bagi golongan beragama Islam, ini tidak memberi kesan terhadap parameter kajian. Mungkin juga terdapat kes di mana kaum Melayu dijangkiti oleh *T. cati*. Jadi kajian perbandingan selanjutnya perlu dijalankan. Selain itu, di Malaysia anjing bebas berkeliaran tanpa halangan dan mungkin sesetengah kanak-kanak ini memperolehi jangkitan semasa bermain di kawasan padang dan taman permainan.

Satu lagi kajian dijalankan pada tahun 1997 melibatkan pesakit di kalangan kanak-kanak yang menghidap asmatik bronkial di Hospital Klang, Selangor. Keputusan yang diperolehi menunjukkan kanak-kanak di bawah umur 10 tahun yang menghidap




asma memberikan kadar seropositiviti yang tinggi (*anti-toxocara* IgG) sebanyak 57.8% berbanding kanak-kanak yang tidak mengidap asma, 15.4% (Hakim *et al.*, 1997).

Seterusnya satu kajian lain dilakukan pada tahun 2001 di klinik Pediatrik, Pusat Perubatan Universiti Malaya melibatkan 124 sampel kanak-kanak berumur lebih daripada 5 tahun. Seramai 66 orang daripada mereka menghidap asma dan memerlukan penggunaan alat bantuan pernafasan (inhaler), manakala 58 adalah kawalan normal. Keputusan yang diperolehi menunjukkan 21.2% kanak-kanak yang menghidap asma adalah seropositif berbanding 8.6% kanak-kanak normal. Kanak-kanak yang positif *toksokara* memberikan titer seropositiviti yang tinggi iaitu  $0.68 \pm 0.32$  berbanding kanak-kanak normal,  $0.49 \pm 0.07$  (Patrick *et al.*, 2001). Jadi, daripada kedua kajian di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat hubung kait secara langsung di antara pesakit asma dengan jangkitan toksokara.

## **1.7 Diagnosis toksokariasis**

### **1.7.1 Diagnosis penyakit VLM**

Sehingga ke hari ini, diagnosis toksokariasis adalah sukar dan mencabar kepada para doktor di Malaysia. Ini kerana kebanyakan pesakit yang datang ke klinik atau hospital menunjukkan simptom yang terlalu umum dan tidak spesifik terhadap toksokariasis seperti alergi, demam panas, ruam kulit dan lelah. Kebiasaannya pesakit menunjukkan simptom yang lebih kurang sama dengan simptom jangkitan STH yang lain. Sebagai contoh terdapat laporan menyatakan bahawa *Baylisascaris procyonis*, *Fasciola hepatica* dan *A. lumbricoides* juga boleh menyebabkan manifestasi VLM. Oleh itu, diagnosis secara klinikal sahaja tidak dapat mengesahkan seseorang itu mendapat toksokariasis atau sebaliknya.



**Rajah 1.6.1:** Peta taburan penyakit toksokariasis secara global. Dot bertanda menunjukkan antara negara yang terlibat.

(Rujukan : <http://www.stanford.edu/class/humbio103/ParaSites2005/Toxocariasis/index2.htm>)

Sepertimana yang telah dijelaskan dalam bahagian sebelumnya, kitar hidup toksokara pada manusia menunjukkan larva ini tidak dapat berkembang sehingga peringkat dewasa. Oleh itu, diagnosis menggunakan najis pesakit yang terjangkit tidak dapat membantu dalam pengesanan jangkitan toksokara. Oleh itu, para doktor mengalami kesukaran untuk mendiagnosis dan menentukan samada seseorang itu mengidap toksokariasis atau sebaliknya.

Bagi meyakinkan diagnosis yang dibuat pada peringkat awal, para doktor akan melihat kepada sejarah kehidupan, latar belakang serta simptom utama yang ditunjukkan oleh pesakit. Pada peringkat ini pesakit akan ditanya tentang kehidupan sosial, pekerjaan, negara asal yang didiami, pengambilan ubatan dan sejarah pengembaraan ke negara luar yang prevalen dengan jangkitan ini. Seterusnya, kemungkinan pesakit terdedah secara langsung terhadap anak anjing atau kucing yang terjangkit dan hubungan terus pesakit dengan haiwan peliharaan seperti anjing turut disoal selidik. Selain itu, pengambilan makanan terutama makanan mentah atau separuh masak dan makanan yang terkontaminasi dengan telur yang infektif ("pica/geophagia") perlu diambil perhatian (Lewis, J.W. 2006).

Seterusnya, diagnosis toksokariasis definitif lain yang boleh diguna pakai adalah kaedah pengesanan histopatologi. Namun, kaedah ini adalah sukar dan jarang dipraktikkan. Ini kerana, masalah utama yang dihadapi adalah dalam mendapatkan sampel biopsi pesakit. Selain itu, kaedah ini juga mengambil masa yang panjang untuk mendapatkan sesuatu keputusan. Jadi adalah sukar bagi para doktor mendiagnosis pesakit sekiranya keputusan perlu diketahui dengan segera.

Selain itu, ujian pengimejan perubatan atau ultrasound dapat membantu dalam mengenal pasti lesi granuloma yang disebabkan oleh larva toksokara. Sebagai tambahan, penggunaan ujian imbasan tomografi berkomputer (CT) juga dapat

membantu dalam pengesanan lesi berdensiti rendah pada hati. Selain itu, penggunaan pengimejan magnetik resonan (MRI) adalah lebih sensitif dan dapat mengenalpasti kawasan lesi yang berkepadatan tinggi terutama pada kortikal sistem saraf pusat (Magnaval *et al.*, 2001).

Walau bagaimanapun, ujian yang lazim digunakan untuk mendiagnosis toksokariasis adalah melalui kaedah serologi. Antara antigen yang digunakan adalah antigen somatik terlarut yang terhasil daripada larva atau cacing dewasa. Namun begitu, antigen somatik ini menunjukkan tindak balas silang dengan jangkitan cacing *A. lumbricoides* (Girdwood *et al.*, 1978). Antigen lain yang turut digunakan adalah antigen somatik L2 terlarut, ekstrak telur embrio terlarut (TEE), antigen dewasa terlarut (AWA) dan antigen rekombinan. Berkenaan jenis asai pula, kebanyakan asai yang digunakan adalah ujian asai imunosorben untaian enzim secara tak-langsung (*indirect-ELISA*). Bentuk format asai lain yang boleh digunakan adalah radioiodinasi, blot Western, ELISA berlawanan antibodi secara tak-langsung (IACE), ujian aglutinasi lateks, ujian radio-allergosorbent, ujian antibodi fluorezen tak-langsung (IFAT), ujian antibodi fluorezen langsung (DFAT), ujian antibodi fluorezen tak-langsung-sianidbromida (CNBr-IFAT), ujian hemaglutinasi, ujian fluorezen *in-vitro*, ELISA “sandwich”, imunoelektroforesis kaunter (CIEP), ujian penembusan gel ganda dua (DGDT), ujian kertas imunosorben (PRIST) dan ujian pantas *Toxocara*CHEK (Akao *et al.*, 1997). Sebagai tambahan, terdapat beberapa lagi ujian yang dapat membantu bagi pengesanan diagnosis klinikal iaitu ujian sensitiviti intradermal, kelompok “bentonite”, fiksasi komplemen, presipitasi larva serta presipitasi tiub kapilari (Mirdha & Khokar, 2002). Keseluruhan maklumat ujian ini ditunjukkan pada Lampiran 2 (rujuk bahagian lampiran).

Antigen yang menjadi pilihan utama bagi pengesanan jangkitan toksokara ialah TES. Penggunaan TES mula dilaporkan oleh de Savigny *et al.* pada tahun 1975. TES

ini diperolehi melalui teknik pengkulturan larva (L2) *T. canis* secara *in vitro* dan digunakan dalam kebanyakan ujian asai terutama ELISA. Gabungan antigen TES dan asai ELISA ini dapat membantu dalam meningkatkan sensitiviti dan spesifisiti ujian serologi bagi diagnosis toksokariasis berbanding antigen lain yang telah dinyatakan terdahulu.

Secara umumnya, kebanyakan penyelidikan diagnosis toksokariasis dijalankan oleh para penyelidik menggunakan antigen TES. Kebanyakan ujian asai yang terdapat di pasaran kini menggunakan antigen TES seperti yang dilaporkan oleh de Savigny *et al.* (1975). Sebagai contoh kit IgG-EIA (Cypress Diagnostics, Belgium), IgG-ELISA (Pharmacia Diagnostics, German) (Jacquier *et al.*, 1997) dan lain-lain seperti ditunjukkan dalam jadual 1.7.1. Kesemua ujian ini memberi tahap sensitiviti dan spesifisiti yang berlainan. Nilai yang berbeza ini mungkin bergantung kepada setiap eksperimen yang dijalankan bagi penyediaan antigen ini iaitu samada terkontaminasi dengan antigen terlarut daripada larva yang mati atau telah mengalami degenerasi.

Dua jenis ujian diagnosis yang bukan berasaskan mikroplat ELISA ialah blot Western (WB) dan ujian pantas imunokromatografi yang berbentuk dipstik, contohnya iaitu ToxocaraCHEK. Kedua-dua ujian ini menggunakan antigen TES. Magnaval *et al.* (1991) melaporkan bahawa serum pesakit toksokariasis yang positif boleh dipastikan dengan membuat ujian susulan menggunakan kit WB dengan kehadiran jalur bermolekul rendah di antara 24 hingga 35 kDa. Tindak balas positif IgG TES WB disahkan dengan kehadiran antibodi IgG yang bertindak balas dengan protein bersaiz 24, 28, 30 dan 35 kDa serta jalur bermolekul tinggi seperti 132, 147 dan 200 kDa. Walau bagaimanapun, tindak balas yang tidak spesifik wujud kerana serum mudah bertindak balas dengan jalur protein bermolekul tinggi daripada individu yang mempunyai pelbagai jangkitan cacing (Park *et al.*, 2000).

Kit ujian pantas ToxocaraCHEK (EY Laboratories, Inc., Hong Kong) menggunakan antigen TES yang diimobilisasi di atas membran nitroselulosa dan antibodi daripada serum akan mengikat pada antigen ini. Perlekatan kompleks antigen-antibodi dikenal pasti dengan penambahan konjugat emas protein koloidal A. Sekiranya berlaku tindak balas positif, satu titik merah akan terbentuk di atas membran tersebut (Akao *et al.*, 1997; Dubinsky *et al.*, 2000). Melalui penggunaan kit ini, keputusan dapat diperolehi dalam masa 3 minit sahaja . Namun begitu, terdapat kekurangan apabila menggunakan kit ini iaitu sekiranya serum digunakan pada kepekatan yang tinggi (1:2), tindak balas jangkitan silang berlaku. Satu kajian perbandingan telah dijalankan di antara ELISA NOVUM, ELISA PU dan ToxocaraCHEK; keputusannya membuktikan kit ToxocaCHEK kurang spesifik dan hanya sesuai sebagai ujian saringan sahaja (Dubinsky *et al.*, 2000).

Terkini, pilihan terbaik untuk mendiagnosis toksokariasis adalah dengan menggunakan TES IgG-ELISA sebagai ujian saringan diikuti pengesahan dengan beberapa ujian lain termasuklah TES IgE-ELISA dan WB (Lynch *et al.*, 1988, Magnaval *et al.*, 1991, Magnaval *et al.*, 1992; Mirdha *et al.*, 2002). Daripada pengalaman dan kajian yang dilakukan oleh Rahmah *et.al* (2005), peningkatan spesifisiti juga boleh dicapai dengan menggunakan IgG4 TES-ELISA dan WB dalam pengesahan dan saringan hasil keputusan IgG ELISA.

**Jadual 1.7.1:** Kit komersial yang terdapat dipasaran dengan sensitiviti dan spesifisiti tertentu.

No.	Kit	Syarikat/Pengeluar	Spesifisiti (%)	Sensitiviti (%)
1.	ToxocaraCHEK (3mins rapid test)	E.Y. Laboratories, Inc., USA	96	100
2.	Novum <i>Toxocara canis</i> IgG/IgM ELISA	NOVUM Diagnostica, GMBH, Germany	80	96.7
3.	ELISA PU	Parasitological Institut SAS, Germany	82.8	96.7
4.	Toxocara Western Blot-G Kit (WB-IgG)	LDBIO Diagnostic, France	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
5.	<i>Toxocara canis</i> ELISA kit	Bordier Affinity Products SA, Switzerland	Tidak dinyatakan	>90
6.	<i>Toxocara</i> Microwell serum ELISA (Cat No. 8206-3)	Diagnostic Automation, Inc., USA	87.5	93.3
7.	ELISA <i>Toxocara</i> Ab Cypress Diagnostic IgG	Cypress Diagnostics, Belgium	98	86
8.	Nova Tec IgG ELISA	GMBH, Immunodiagnostica, Germany	97	93
9.	DRG <i>Toxocara canis</i> IgG (EIA-3865)	DRG International, Inc., USA	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
10.	EIA <i>Toxocara canis</i> IgG	TEST-LINE s.r.o., Clinical Diagnostics, Czech Republic	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
11.	<i>Toxocara</i> antibody IgG by ELISA	ARUP Laboratories, Inc., USA	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
12.	<i>Toxocara</i> CELISA Kit (Cat No. Z1KT2)	TCS Bioscience Ltd.,UK	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
13.	RIDASCREEN® <i>Toxocara</i> IgG test (Cat No. K7421)	R-Biopharm Clinical Diagnostic, Germany	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
14.	<i>Toxocara</i> IgG CELISA Kit (Cat No. KT3)	Cellabs Pt. Ltd., Australia	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
15.	Melotest <i>Toxocara</i> Antibody	Melotec Biotechnology, SA, Barcelona, Spain.	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan

(Adaptasi daripada Bab 7: Smith, H. & Rahmah, N. (2006). CABI Publishing USA.

### 1.7.2 Diagnosis penyakit OLM

Sekiranya seseorang pesakit mengadu sakit di bahagian mata dan disyaki menghidap OLM, cecair okular akues dan vitreus adalah sampel rujukan yang terbaik. Satu kajian telah melaporkan penggunaan TEE untuk mengesan kehadiran antibodi anti-toksokara pada lima orang pesakit OLM. Hasil keputusannya menunjukkan satu daripada mereka mempunyai antibodi titer yang tinggi di dalam cecair vitreus berbanding serum yang diuji (Biglan *et al.*, 1979). Satu kajian lain telah membandingkan penggunaan TES-ELISA yang spesifik terhadap IgG dan TES-RAST yang spesifik terhadap IgE ke atas dua belas orang pesakit yang disyaki menghidap OLM. Hasil mendapati asai IgE memberikan tahap sensitiviti yang lebih baik dan mereka mengesyorkan kedua-dua ujian ini perlu dilakukan bersama dalam mendiagnosis OLM. IgG TES WB adalah lebih sensitif berbanding IgE TES ELISA terutama dengan kehadiran jalur protein molekul rendah (24-35 kDa) dan spesifik apabila wujudnya jalur protein molekul tinggi (Magnaval *et al.*, 1991; Magnaval *et al.*, 2002). Walau bagaimanapun, IgE TES-ELISA juga sensitif (63.2%) dan spesifik (76.2%) apabila nilai batasan titik (COV) melebihi 5 unit toksokara (TU). Terdapat kajian selanjutnya yang membuktikan bahawa IgG TES WB dan IgE TES-ELISA dapat mengesan lima pesakit OLM dan memberikan reaksi yang positif (Park *et al.*, 2000).

Selain itu, terdapat juga kajian perbandingan tahap sensitiviti dan spesifisiti di antara antigen TES dan TEE menggunakan kaedah ELISA terhadap pesakit OLM. Hasil keputusan menunjukkan TES-ELISA adalah lebih baik berbanding TEE-ELISA dalam pengenalpastian manifestasi OLM (Glickman *et al.*, 1995). Dengan itu, IgG TES WB bersama dengan IgE TES-ELISA adalah ujian yang saling melengkapi dalam membantu mendiagnosis cecair vitreus dan serum OLM (Magnaval *et al.*, 2002).



Sebagai tambahan kepada keputusan serologi positif OLM, ujian pengimejan radiologi juga boleh digunakan sebagai ujian pengesahan diagnosis OLM iaitu menggunakan kaedah media legap ultrasonografi, ultrasound, CT dan MRI (Schantz & Glickman, 1978; Sabrosa & de Souza, 2000).

Walau bagaimanapun secara keseluruhannya, didapati penggunaan TES adalah kurang sesuai di negara tropika yang prevalen dengan jangkitan cacing bawaan tanah (Maizels *et al.*, 1984, Lynch *et al.*, 1988, Jacquier *et al.*, 1991, Magnaval *et al.*, 1991, Camargo *et al.*, 1992, Nunes *et al.*, 1997; Rahmah *et al.*, 2005). Selain itu, hasil ujian menggunakan TES memberikan keputusan yang kurang spesifik akibat jangkitan silang oleh antibodi yang terhasil oleh kebanyakan STH. Terkini, terdapat beberapa jenis antigen rekombinan yang berpotensi untuk digunakan dalam pembangunan ujian diagnosis bagi toksokariasis, contohnya rTES-30 (Yamasaki *et al.*, 1998 & 2000) dan TES-120 (Page & Maizels, 1992, Maizels *et al.*, 1994; Fong *et al.*, 2003).

### **1.8 Rawatan penyakit toksokariasis**

Penyakit toksokariasis tidak mempunyai rawatan yang khusus. Amalan pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan. Contoh ubat yang boleh digunakan dalam rawatan toksokariasis VLM adalah dietilkarbamazine (DEC) (2 mg/kg selama 1 hingga 2 minggu), mebendazol (100-200 mg untuk 5 hari) dan albendazol (400 mg untuk 3 hingga 5 hari). Bagi pesakit toksokariasis OLM pula, antihistamin boleh digunakan untuk kes yang sederhana, kortikosteroid, prednisolone, ivermektin, analgesik untuk mengurangkan inflamasi dan tindak balas alergik, antibiotik untuk mengurangkan infeksi dan pelbagai ubat antihelmin yang lain untuk membunuh larva di dalam retina mata. Selain itu, vitrektomi, penggunaan laser fotokoagulasi dan kriopeksi adalah antara alternatif rawatan toksokariasis OLM (Despommier 2003; Magnaval & Glickman, 2006).